

UMS-Shangri-La Rasa Ria kerjasama empat agenda untuk manfaat bersama

UB 15.02.2024 P.06

KOTA KINABALU: Fakulti Sains Makanan dan Pemakanan (FSMP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal bekerjasama dengan Shangri-La Rasa Ria Resort dalam melaksanakan empat agenda yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua organisasi itu.

Empat agenda itu ialah penempatan latihan industri pelajar FSMP, latihan bersama kakitangan, sokongan kepada aktiviti FSMP serta kolaboratif penyelidikan dan inovasi.

Dekan FSMP, Profesor Madya Ts. Dr. Hasmadi Mamat, berkata kerjasama melalui surat niat antara kedua-dua

organisasi itu adalah khusus kepada Program Perkhidmatan Makanan di FSMP.

“FSMP akan berkongsi kepakaran berkenaan perkhidmatan dan keselamatan makanan manakala Shangri-La Rasa Ria Resort pula akan menempatkan pelajar dan kakitangan FSMP untuk menjalankan latihan termasuk latihan industri.

“Kerjasama dengan Shangri-La Rasa Ria Resort dapat memberikan pendedahan kepada para pelajar FSMP untuk mengaplikasikan teori yang dipelajari di dalam kuliah kepada dunia pekerjaan yang sebenar,” katanya.

“Surat niat ini sah dalam

tempoh setahun dan akan disusuli dengan pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) bagi mengukuhkan kerjasama kedua-dua pihak,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi Besar Shangri-La Rasa Ria, Fiona Hagan berkata pihaknya amat memerlukan kepakaran daripada FSMP dalam pengurusan sisa bahan dan makanan di resort berkenaan.

“Shangri-La Rasa Ria amat berbesar hati dan mengalu-alukan peluang kolaboratif ini bersama FSMP.

“Kami amat menitikberatkan perihal keselamatan makanan dan servis kepada

pelanggan dan juga kakitangan di sini.

“Justeru, kerjasama ini akan memberi manfaat kepada pihak pengurusan resort yang sangat memerlukan kepakaran daripada FSMP,” katanya.

Majlis pemeteraian surat niat itu ditandatangani oleh Hasmadi yang mewakili FSMP UMS, manakala Shangri-La Rasa Ria diwakili oleh Fiona.

Turuthadir Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) FSMP, Profesor Madya Dr. Wolyne Pindi dan Pengarah ESG (Environmental, Social, Governance) Shangri-La Rasa Ria, Yvonne Sipain.



METERAI: Hasmadi (dua kiri) menandatangani surat niat bersama Fiona (dua kanan). Turut bersama Wolyne (kiri) dan Yvonne (kanan).